

PKNS A olah strategi kekang servis UPM C

■ SEREMBAN

JURULATIH dan pengurus regu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) A, Azlan Miswan akan mengolah strategi baharu dalam mengekang kehebatan servis tekong berpengalaman Universiti Putra Malaysia (UPM) C, Ahmad Ezzat Mohd. Zaki menjelang perlawanan akhir kategori Terbuka-Institusi Pengajian Tinggi Kejohanan Sepak Takraw KFC-Utusan 2015 hari ini.

Antara ciri baharu itu termasuk menyusun pertahanan seterusnya menyambut atau mematikan servis bekas pemain negara itu yang terbukti masih berbisa ketika melepasi cabaran pusingan suku akhir dan separuh akhir di Kompleks Sukan Negeri, Paroi, Seremban semalam.

"Mereka (UPM C khususnya Ahmad Ezzat) telah banyak memporak-perandakan Pestans F dalam separuh akhir sehingga mendahului dengan selesa seterusnya menjadi pencetus kejayaan regu itu ke perlawanan akhir.

"Namun kami ada taktik tertentu untuk mengekangnya (dalam perlawanan akhir di Pusat Beli-Belah Palm Mall, Seremban). Perubahan berbanding corak permainan hari

info

SENARAI PEMAIN

PKNS A:

Ahmad Aizat Mohd. Nor Azmi
Muhamad Hafiz Izudin Wahab
Herfendy Latiff

UPM C:

Ahmad Ezzat Mohd. Zaki
Muhamad Kamal Ishak
Shohibul Fadilah Abd. Syam
Mohamad Zulhelmi Sabri

ini (semalam) memang tidak dapat dielakkan jika PKNS mahu mengulangi kejayaan pada 2010.

"Kini kami menyandarkan harapan kepada Ahmad Aizat Mohd. Nor Azmi (tekong muda negara). Dia juga serba boleh, mampu bertindak sebagai pengumpan mahupun pelibas sesekali jika keadaan memerlukan.

"Selain itu, sumbangan dua kakitangan PKNS dalam regu ini,

Muhamad Hafiz Izudin Wahab dan Herfendy Latiff tidak boleh dinafikan dengan usia muda dan tahap fizikal mereka yang mantap," katanya.

PKNS hanya bergantung harapan kepada tiga pemain itu tanpa menyediakan seorang pun pemain simpanan, yang meletakkan mereka dalam risiko apatah lagi beraksi dalam perlawanan akhir yang pastinya getir.

"Saya percaya kedua-dua regu ada kelebihan masing-masing. Peluang kami juga saya letakkan 50-50. Gabungan usia pemain kami masih di tahap muda walaupun Ahmad Ezzat berumur lebih 30 tahun.

"Namun saya tidak mahu melepaskan peluang keemasan ini untuk meneruskan momentum kejayaan selepas membawa UPM menjuarai kategori IPT dalam Karnival Sepak Takraw Kebangsaan KPT-UiTM di Shah Alam, baru-baru ini.

"Walau apa pun, saya harap peminat sepak takraw mengalukan pertembungan dua tekong dari dua generasi dalam perlawanan akhir ini untuk menentukan servis siapa paling berkesan, yang laju (PKNS A) atau yang memperdayakan (UPM C)," kata jurulatih UPM C, Mohd. Hafizie Manap.



REGU PKNS A (baju biru) dan UPM C bersemuka sebelum selepas kedua-duanya melepasi peringkat separuh akhir Terbuka Kejohanan Sepak Takraw KFC-Utusan 2015 Kompleks Sukan Negeri, Paroi, Seremban semalam.